

KURIKULUM KURSUS ANALISIS STATISTIK SOSIAL BAGI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL GRED 41 - 54

1. SINOPSIS KURSUS

Kursus ini bertujuan untuk menerangkan objektif, konsep dan definisi serta bidang sosial yang terlibat yang diperoleh daripada pelbagai agensi. Melalui kursus ini para peserta akan diterangkan tentang konsep dan definisi serta kepentingan pelbagai bidang statistik sosial seperti kependudukan, guna tenaga, pendidikan, kesihatan, kemiskinan dan lain-lain. Kursus ini juga mendedahkan peserta berkaitan kemahiran membuat analisis, menginterpretasi dan persembahan data.

2. OBJEKTIF KURSUS

- i. Memberi kefahaman tentang *framework*, *principle* dan *recommendation* bagi statistik sosial berdasarkan standard antarabangsa yang merangkumi konsep dan definisi.
- ii. Menerangkan proses penyusunan statistik sosial berdasarkan standard antarabangsa termasuk trend semasa data sosial.
- iii. Menjelaskan kepentingan data sosial dan demografi kepada pembangunan dan perkembangan kualiti hidup daripada aspek pemantauan oleh kerajaan.
- iv. Meningkatkan kemahiran dalam membuat analisis dan penyebaran secara efektif, terutama dalam memahami keperluan pengguna agar data yang dipersembahkan adalah relevan, mengikut masa dan senang difahami.
- v. Membantu meningkatkan kemahiran anggota melalui perkongsian teknik analisis yang bagus dan juga dapat menilai kemahiran analisis anggota melalui hands-on.

3. TEMPOH/MASA

- i. Tempoh : 3 hari
- ii. Masa : 8.00 pagi - 5.00 petang

4. KUMPULAN SASARAN

Pegawai Gred 41 - 54

5. METODOLOGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

- i. Kuliah
- ii. Latih Amal
- iii. Kuiz Penilaian